



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63
Bil. 18

2hb September 2010

*TAMBAHAN No. 17
PERUNDANGAN*

Pk. P.U. 39.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN
(MAJLIS DAERAH KERIAN) (PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Daerah Kerian membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini boleh dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Kerian) (Pindaan) 2010** dan hendaklah dipakai bagi kawasan Majlis Daerah Kerian sahaja.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan am

2. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Kerian) 1984 [*Pk. P.U. 60*], yang disebut, "Undang-Undang Kecil ibu" dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dengan menggantikan perkataan "Yang Dipertua" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Pegawai Pelesen" kecuali dalam takrif "Pegawai Pelesen".

Pindaan undang-undang kecil 2

3. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 2—

- (a) dengan memasukkan sebelum tafsiran “perniagaan” tafsiran berikut:
“Pegawai Pelesen” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian, Setiausaha dan termasuk pegawai-pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua; dan
- (b) dengan memotong tafsiran “Yang Dipertua”.

Pindaan undang-undang kecil 6

4. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan* undang-undang kecil dengan undang-undang kecil yang berikut:

“(1) Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa dari suatu tempoh yang tidak kurang dari dua belas bulan dari tarikh kuat kuasa dan hendaklah diperbaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

(2) Walau apapun di dalam undang-undang kecil ini, Pegawai Pelesenan boleh mengeluarkan lesen yang sah berkuat kuasa selama tempoh tidak lebih dari tiga puluh enam bulan dari tarikh kuat kuasa lesen berkenaan.”.

Dibuat pada 12 Ogos 2010
[M.D. Kerian PTD 13/01; PU.PK. 36/76 (Jilid II)]

HAJI ISMAIL BIN HASSAN
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian

Disahkan pada 19 Ogos 2010

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan